

UKL terima kumpulan pelajar pertama Julai ini

UNIVERSITI Kuala Lumpur (UKL) yang baru ditubuhkan akhir tahun lalu, bakal menerima kumpulan pertama pelajar seramai 80 orang pada bulan Julai ini.

Pengarah Bahagian Pendidikan Profesional Majlis Amanah Rakyat (Mara), Kandan Saikon berkata, kumpulan pelajar itu akan mengikuti dua program pengajian di peringkat ijazah pertama.

Menurutnya, kursus itu ialah ijazah Sarjana Muda (SM) Kejuruteraan Teknologi (Penyamanan Udara dan Penyejukbekuhan Industri) dan SM Kejuruteraan Teknologi (Automasi Industri dan Robotik).

"Buat permulaan, kita hanya menjalankan dua program pengajian dan jumlah program akan ditambah dalam masa beberapa tahun ini," katanya kepada Pendidikan.

Nama asal UKL ialah Universiti Teknikal Mara atau ringkasnya UniTek-Mara.

Memandangkan Malaysia belum mempunyai nama universiti mengikut nama bandar maka Mara menukar nama asal UniTek-Mara pada awal tahun ini.

Kandan seterusnya berkata, UKL merupakan universiti berorientasikan kemahiran, vokasional dan teknikal.

Jelasnya, penubuhannya bertujuan meningkatkan daya tarik program latihan kemahiran dan vokasional yang kini terhad kepada peringkat diploma sahaja.

"Ini merupakan satu usaha ke arah meningkatkan usaha pembangunan guna tenaga yang berpengetahuan dan ber-



KANDAN SAIKON

keterampilan ke tahap lebih tinggi.

"Ia sekali gus dapat meningkatkan bilangan guna tenaga bumiputera terlatih dan berkelayakan tinggi di sektor perindustrian," katanya.

Mengulas lanjut Kandan berkata, setiap program akan dijalankan selama tiga tahun.

Katanya, syarat layak memasuki program itu ialah memiliki diploma dalam bidang yang dipohon dari mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan.

Bagaimanapun katanya, keutamaan akan diberi kepada lulusan program diploma dari institusi kemahiran tinggi Mara seperti Malaysia France Institute (MFI), German Malaysian Institute (GMI), British Malaysian Institute (BMI) dan Malaysian Institute of Aviation Technology (MIAT).

Beliau berkata, jumlah keseluruhan tempoh pengajian bagi calon yang mahu meneruskan pengajian di peringkat ijazah pertama ialah enam tahun.

"Tiga tahun di peringkat diploma dan tiga tahun lagi di peringkat ijazah pertama.

"Tempoh masa ini sama dengan calon yang mengikuti program akademik iaitu dua tahun di peringkat Matrikulasi dan empat tahun di peringkat ijazah pertama di institusi pengajian tinggi awam (IPTA)," jelasnya.

Selain itu, Kandan berkata, pihaknya berharap masyarakat tidak menganggap anak-anak mereka gagal jika tidak dapat memasuki IPTA.

Ini kerana katanya, laluan kerjaya masa depan bagi mereka yang menceburidirungkahtidakmenganggap anak-anak mereka gagal jika tidak dapat memasuki IPTA.

"Malah ada di kalangan mereka menikmati pendapatan lebih tinggi daripada graduan yang memiliki ijazah akademik," ujarnya.